

## **BAB 5**

### **PENUTUP DAN CADANGAN**

#### **5.0 Penutup: Kesimpulan Kajian**

Hasil daripada perbincangan berkaitan implikatur dalam sajak yang melihat bagaimana pembaca dapat mengesan implikatur tersebut, ternyata Teori Relevan sememangnya satu teori yang tepat dalam menunjukkan serta menghuraikan proses mengesan implikatur itu berlaku. Dalam hal ini konteks dan pragmatik itu sama penting dalam mendapatkan makna sebenar. Ayat-ayat yang melangkaui makna literal yakni ayat-ayat berbentuk figuratif hanya dapat dihurstai dan diinterpretasikan bersandarkan kepada Teori Relevan. Interpretasi yang hanya melibatkan bentuk logik semata-mata hanya dapat memberi makna secara harfiah sahaja.

Justeru, penulis sajak juga perlu menghasilkan sajak yang tidak memerlukan pembaca memproses maklumat dalam kos yang tinggi, sebalik perkataan-perkataan yang digunakan haruslah dapat digambarkan oleh pembaca. Perkataan-perkataan dan tema sajak adalah faktor utama yang dapat membimbing pembaca dalam memproses maklumat yang tersirat kerana dalam memproses makna yang tersirat memerlukan satu bentuk pemikiran yang kritis. Hasil kajian juga mendapati tahap penginterpretasian antara satu pembaca dengan pembaca yang lain adalah berbeza-beza. Perkara inilah yang ditekankan dalam Teori Relevan iaitu mencapai tahap relevan yang optimum. Latarbelakang pembaca juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap kefahaman pembaca dan sekaligus dapat mengesan kewujudan implikatur dalam sajak.

Selain itu melalui kajian ini juga membuktikan bahawa konteks dan kesan konteks adalah perkara yang paling mustahak bagi pembaca dalam mengenalpasti implikatur. Sekiranya pembaca mempunyai konteks pemikiran yang sama seperti mana penulis sajak iaitu melibatkan pengalaman-pengalaman hidup yang dilalui oleh pembaca, maka maklumat yang ingin disampaikan itu menjadi mudah. Maklumat-maklumat tambahan yang datang dari pelbagai sumber seperti pengalaman hidup,pembacaan terhadap buku-buku mahupun artikel dan sebagainya dapat memberi dan meluaskan lagi konteks si pembaca. Secara tidak langsung, pembaca yang membaca sajak tidak akan menghadapi kesukaran dalam membina konteks dalam usaha memproses maklumat yang terkandung dalam sajak.

Dalam kajian ini juga, penulis bukan sekadar mengenalpasti kewujudan implikatur dan melihat bagaimana proses pembaca mengenalpasti implikatur, penulis juga turut mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud beserta strategi penggunaan implikatur tersebut. Dapatlah dinyatakan bahawa jenis implikatur yang paling ketara yang wujud dalam sajak-sajak ini adalah implikatur ayat figuratif. Keadaan ini disebabkan sajak yang merupakan genre sastera yang sememangnya banyak menggunakan ayat-ayat berkias dan mempunyai unsur metafora. Selain itu, implikatur ayat interrogatif dan kata seruan juga turut wujud di dalam sajak. Justeru implikatur ayat interrogatif dan kata seruan tidak hanya wujud dalam implikatur yang berbentuk perbualan semata-mata tetapi turut wujud dalam sajak. Seterusnya setiap implikatur yang wujud merupakan satu strategi yang digunakan oleh penulis sajak dalam meluahkan semua bentuk perasaan yang ingin disampaikan oleh penulis sajak.

## **5.1 Cadangan**

Untuk meletakkan bidang pragmatik sebagai satu bidang yang dapat mentafsir makna yang mendalam, bidang pragmatik ini akan menjadi satu bidang yang lebih bermakna sekiranya terdapat usaha ahli-ahli bahasa mahupun pelajar-pelajar yang meneruskan kajian-kajian yang berkaitan bidang pragmatik . Berikut adalah beberapa cadangan yang dapat meneruskan lagi serta memantapkan pengkajian makna dalam bidang pragmatik. Justeru cadangan bagi kajian-kajian tersebut adalah:

- 1) Kajian implikatur tidak hanya terbatas pada kajian genre sastera semata- mata. Kajian implikatur boleh diteruskan dengan melihat implikatur yang wujud ketika sesi pembelajaran antara guru dan pelajar.
- 2) Kajian implikatur juga boleh dijalankan dalam usaha melihat kewujudannya dalam siaran berita.
- 3) Selain itu kajian tentang kewujudan implikatur juga dapat dijalankan ketika sesi temuduga antara syarikat dengan calon-calon yang di temuduga.
- 4) Di samping itu, ketika sidang dewan rakyat yang sering memperlihatkan perdebatan berlaku di kalangan ahli dewan dan berkemungkinan wujud implikatur dan kajian ini juga boleh dijalankan.
- 5) Seterusnya kajian implikatur juga boleh dijalankan dengan melihat

kewujudan implikatur dalam masyarakat lain seperti kaum Cina mahupun India umpamanya yang mungkin memperlihatkan perbezaan kewujudan implikatur dalam masyarakat tersebut.

Melalui perbincangan, kesimpulan dan cadangan yang telah diutarakan, jelas menunjukkan bahawa bidang pragmatik yakni Teori Relevan dapat memberikan huraian yang terperinci dalam kajian makna yang melibatkan implikatur.